

URUTAN PEMEROLEHAN AL-ḌAMĪR AL-MUNFAṢĪL DALAM AYAT NOMINATIF BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR UITM PERLIS

¹Umami Syarah Ismail, ²Nazri Atoh, ³Munirah Azrae, ⁴Nadhilah Abdul Pital

¹Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara

²Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris

³Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara

⁴Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin

Penulis Koresponden: Umami Syarah Ismail
ummi@perlis.uitm.edu.my

Abstrak : Kajian ini bertujuan mengenalpasti urutan pemerolehan al-Ḍamīr al-Munfaṣīl dalam ayat nominatif bahasa Arab dan aspek-aspek kesilapan pelajar dalam menggunakan al-Ḍamīr al-Munfaṣīl. Urutan yang dimaksudkan adalah urutan al-Ḍamīr yang awal dan lewat digunakan. Urutan al-Ḍamīr yang awal digunakan bermaksud ia mudah digunakan manakala urutan yang lewat bermaksud ia sukar digunakan. Melalui al-Ḍamīr yang sukar ia akan dapat menghuraikan bentuk-bentuk kesilapan pelajar dalam pembinaan ayat nominatif. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis kesilapan bahasa. Instrumen soalan ujian pembinaan ayat diberikan kepada 30 orang pelajar yang mengambil bahasa Arab 3 di UiTM Perlis. Dapatan kajian menunjukkan terdapat urutan pemerolehan al-Ḍamīr yang awal dan lewat digunakan pelajar. Berdasarkan urutan pemerolehan ini, pelajar lebih mudah menggunakan al-Ḍamīr mufrad dalam pembinaan ayat nominatif berbanding dengan al-Ḍamīr muthannā dan jamak.

Kata Kunci: Urutan, Perolehan, al-Damir al-Munfasil, Ayat Nominatif, Bahasa Arab

Abstract: The aim of the study is to identify the sequence of al-Ḍamīr al-Munfaṣīl and its acquisition in Arabic nominative sentences and to identify the area of mistakes made by the students in using al-Ḍamīr al-Munfaṣīl. The meaning of this sequence is the sequence of al-Ḍamīr in highly used to rarely used. The highly used means that it is easy to use while the rarely used means it is difficult to use. Identifying the rarely used al-Ḍamīr will be able to elaborate the forms of student mistakes in the construction of nominative sentences. This study will use qualitative research designs using language error analysis. Test sentence is given to 30 students who take Arabic 3 at UiTM Perlis. The findings showed that there are highly used and rarely used al-Ḍamīr acquisition sequences of students. Based on this acquisition order, students are more easy to use al-Ḍamīr singular (mufrad) in the construction of nominative compared to al-Ḍamīr dual (muthannā) and plural (jamak).

Key Words: Order, Acquisition, al-Ḍamīr al-Munfaṣīl, Nominative Sentence,; Arabic Language

Pengenalan

Pendidikan bahasa Arab adalah penting pada masa kini. Ia merupakan mata pelajaran wajib di sekolah-sekolah sama ada sekolah rendah atau menengah sehinggalah di peringkat universiti. Dengan perkembangan pendidikan bahasa Arab yang meluas ini memberi laluan kepada pengkaji-pengkaji bahasa untuk mengkaji aspek pemerolehan dan penguasaan bahasa Arab berikutan timbulnya isu-isu berkaitan pembelajaran dalam kalangan pelajar. Ini kerana kedudukan bahasa Arab di Malaysia merupakan samada bahasa kedua (B2) ataupun bahasa ketiga (B3) setelah bahasa Inggeris. Hal ini menyebabkan berlaku kekeliruan terhadap beberapa peraturan tatabahasa bahasa Arab kerana tatabahasa atau nahu setiap bahasa pertama, kedua dan ketiga dalam keadaan tertentu adalah berbeza dari aspek pembentukan kata atau ayat.

Dulay dan Burt (1974) menjelaskan pemerolehan struktur dan rumus tatabahasa bagi pelajar bahasa kedua berlaku urutan secara natural (*natural order*) atau semulajadi dan ia boleh diramal. Ini kerana menurut Chomsky secara biologinya seseorang manusia telah dikurniakan kemampuan berbahasa yang disebut sebagai tatabahasa umum *universal grammar* dalam diri secara alamiah atau semulajadi. Chomsky menyatakan seseorang manusia telah dikurniakan *innate mechanism* atau disebut alat penguasaan atau pemerolehan bahasa (*language acquisition device/LAD*) iaitu alat yang berfungsi menerima masukan atau input yang menentukan apa yang perlu dikuasai terlebih dahulu seperti bunyi, kata, perkataan dan lain-lain (Nana Jumhana, 2014; Tay Meng Guat, 2006; Cook, 1988).

Kajian-kajian lepas mendapati antara faktor pengajaran dan pembelajaran yang berkesan ialah peranan guru dalam merancang penggunaan pendekatan dan kaedah yang sesuai dan kreatif dalam pengajaran (Gamal Abdul Nasir, Salwa & Aliff, 2015; Maimun Aqsha, Zaffi & Hanis Najwa, 2014; Noor Anida, Norhayati & Nurazan, 2014). Pemilihan kaedah serta pendekatan yang kreatif dan sesuai dapat memberi kesan kepada penghasilan pengajaran dan pembelajaran yang baik disamping tercapai objektif (Noraini & Shuki, 2009) serta membantu merungkai masalah dalam pengajaran dan pembelajaran (Abdull Sukor & Azliza, 2013; Gamal Abdul Nasir, Salwa & Aliff, 2015; Manisah, 2000; Muhammad Suhaimi, Mohd Yusof & Roslee Talip, 2014). Bagi mendapatkan kaedah yang kreatif dan sesuai adalah penting seseorang pengajar bahasa itu mengetahui tahap pemerolehan dan penguasaan pelajar dalam mata pelajaran tersebut. Oleh yang demikian kajian ini bertujuan

mengenalpasti pemerolehan pelajar dengan memberi tumpuan kepada urutan pemerolehan *al-Damir al-Munfasil* dalam ayat nominatif bahasa Arab. Ini kerana *al-Damir* dan ayat nominatif merupakan perkara yang paling asas dalam bidang nahu bahasa.

Pernyataan Masalah

Berdasarkan tinjauan kepada beberapa kajian terdahulu, para pengkaji mendapati kesukaran mempelajari nahu bahasa Arab merupakan masalah utama yang selalu dihadapi pelajar berbanding aspek-aspek bahasa yang lain. (Azani, Azman & Mat Taib, 2012; Azman & Goh Ying Soon, 1985; Mat Nawi, Hakim & Kaseh, 2014; Rosni, 2012). Manakala melalui pengalaman pengkaji sendiri sebagai seorang pengajar bahasa Arab, antara kesukaran pelajar adalah seperti penggunaan *al-Damir al-Munfasil* ketika berada dalam ayat nominatif (*nominal sentence*) seperti ayat “هُوَ مُدْرَسٌ” (dia seorang guru) perkataan “هُوَ” (dia) merupakan subjek (مُبْتَدَأ) yang berada di permulaan ayat manakala “مُدْرَسٌ” (guru) adalah predikat (خَبَر). Penggunaan *al-Damir al-Munfasil* sebagai subjek perlu bersesuaian dengan predikatnya dari aspek *mufrad* مُفْرَد (tunggal /singular), *muthannā* مُتَنَّى (duaan /dual) dan *jamak* جَمْع (bilangan yang ramai/ plural) sebagai contoh “هُوَ مُدْرَسٌ” (dia seorang guru) dan ayat “هُمَا مُدْرَسَانِ” (mereka berdua guru) dan “هُم مُدْرَسُونَ” (mereka semua guru). Namun pelajar lebih mudah menggunakan *al-Damir mufrad* “هُوَ” bagi ayat *mubtada’* dan *khobar muthannā* مُتَنَّى mahupun *jamak*. Manakala jika dilihat dari aspek penggunaan predikat pelajar lebih mudah menggunakan predikat *mufrad* “مُدْرَسٌ” bagi subjek *muthannā* dan *jamak* seperti “هُوَ مُدْرَسٌ”, “هُمَا مُدْرَسَانِ” dan “هُم مُدْرَسُونَ”.

Dari aspek gender pula pelajar lebih mudah menggunakan *al-Damir muzakkar* (مُنْكَر) “هُوَ” sebagai subjek bagi predikat *mu’annath* (مَوْنَّت) seperti “هُوَ مُدْرَسَةٌ” sepatutnya subjek perlu bersesuaian dengan predikat dari aspek gender iaitu dengan menggunakan *al-Damir mu’annath* (مَوْنَّت) “هِيَ مُدْرَسَةٌ”. Permasalahan yang disebutkan ini juga bertepatan dengan dapatan kajian lalu yang mendapati faktor kerumitan nahu dalam aspek genus/gender, penggunaan *al-Damir* (Manisah, 2000; Mohamad Rofian, Ahmad Redzaudin, Khairatul Akmar & Nor Effendy, 2014; Tuan Rashid, 2000) bilangan dan fleksi yang rumit merupakan masalah utama dalam pembelajaran nahu (Azman & Goh Ying Soon, 2010).

Manakala dari aspek penggunaan *al-Damir al-Mutakallim* الْمُتَكَلِّم (ganti nama pihak pertama), *al-Mukhāṭab* الْمُخَاطَب (ganti nama pihak kedua) dan *al-ghā’ib* الْغَائِب (ganti nama

pihak ketiga) pula, terdapat pelajar menggunakan *al-Ḍamīr* yang tidak bertepatan contohnya ayat “kamu seorang guru” pelajar menyatakan “نَحْنُ مُدْرِّسٌ”, sedangkan sepatutnya pelajar perlu menggunakan *al-Ḍamīr* “أَنْتَ”. Bertitik tolak daripada ini, pengkaji merasakan aspek pemerolehan *al-Ḍamīr* dalam ayat nominatif bahasa Arab perlu diberi perhatian dan dikaji dengan lebih mendalam. Pengkaji memfokuskan kepada kajian urutan pemerolehan *al-Ḍamīr al-Munfaṣīl* dalam ayat nominatif bagi mengetahui urutan *al-Ḍamīr al-Munfaṣīl* yang awal dan lewat atau sukar digunakan pelajar mengikut kategori *al-Ḍamīr*. *al-Ḍamīr* yang lewat atau sukar digunakan akan dapat menghuraikan bentuk-bentuk kesilapan pelajar. Oleh itu melalui permasalahan ini dapat menjelaskan persoalan berikut :

1. Apakah urutan pemerolehan pelajar dalam penggunaan *al-Ḍamīr al-Munfaṣīl* dalam ayat nominatif bahasa Arab?
2. Apakah kesilapan pelajar dalam penggunaan *al-Ḍamīr al-Munfaṣīl* dalam ayat nominatif bahasa Arab?

Sorotan Literatur

Kajian *Al-Ḍamīr* Bahasa Arab

Manisah, (2000) dalam kajiannya mendapati peratus kesalahan pelajar dalam penggunaan *al-Ḍamīr* adalah tinggi. Antara kesalahan yang tertinggi ialah kesalahan penggunaan *ḍamīr* genitif (جر) pada kata nama dengan jumlah 104 kesalahan. Manakala dapatan kajian yang dibuat oleh Tuan Rashid, (2000) mendapati kebanyakan pelajar masih lemah dalam penguasaan *al-Ḍamīr* terutamanya *ḍamīr bāriz muttaṣīl*, *ḍamīr mustatir*, *ghā'ib* dan *naṣab*. Manakala *ḍamīr bariz munfaṣīl* lebih senang dikuasai. Rabiatul Adawiyah, (2010) juga menyatakan pelajar masih lemah dalam penguasaan *al-Ḍamīr* dan antara kesalahan pelajar seperti penggunaan *al-Ḍamīr* yang tidak bersesuaian dengan gender, penggunaan *al-Ḍamīr* yang salah dari aspek bilangan tunggal مُفْرَد, duaan مُتَنَّى dan jamak جَمْع, penggunaan *al-Ḍamīr* yang salah dari aspek *ḍamīr mutakallim* مُتَكَلِّم (ganti nama pertama), *mukhāṭab* مُخَاطَب (ganti nama kedua) dan *ghā'ib* غَائِب (ganti nama ketiga).

Terdapat juga kajian yang menyentuh secara tidak langsung mengenai *al-Ḍamīr* sebagai salah satu aspek kelemahan pelajar seperti kajian yang dibuat oleh Mohamad Rofian

et al.,(2014) yang mendapati penguasaan pelajar masih lemah dalam tatabahasa Arab dan antara kesalahan pelajar seperti kesalahan penggunaan gender muzakkar dan mu'annath, kesalahan penggunaan ganti nama (*al-Damīr*), kesalahan frasa idāfah dan kata sifat dan juga kesalahan kosa kata.

Kajian lain pula seperti kajian yang dibuat oleh Azani et al., (2012) yang bertujuan bagi mengenal pasti permasalahan bahasa yang dihadapi pelajar semasa bertutur dalam bahasa Arab semasa aktiviti lakonan. Melalui kajian beliau didapati pelajar lemah dalam aspek penguasaan tatabahasa seperti kesalahan penggunaan frasa idāfah, kesalahan penggunaan *al-Damīr*, kesalahan penggunaan kata tunjuk *إشارة اسم*, kesalahan penggunaan kata kerja, kesalahan penggunaan subjek *مُبْتَدَأ* dan predikat *خَبَر* dan kesalahan penggunaan kata nama am *نَكْرَة* dan kata nama khas *مَعْرِفَة*.

Kajian Urutan Pemerolehan Morfem

Dalam pendidikan bahasa asing pengetahuan guru atau tenaga pengajar mengenai urutan pemerolehan (*acquisition order*) adalah penting bagi mendapatkan keberkesanan dalam pengajaran (Emi Izumi & Hitoshi Isahara, 2004). Para pengkaji bahasa terdahulu telah banyak melakukan kajian mengenai pemerolehan dan penguasaan bahasa kedua ataupun bahasa asing antaranya kajian berdasarkan tertib atau urutan pemerolehan morfem (*study of morpheme acquisition*) (Eun-Young Kwon, 2005; Dulay, Burt & Krashen, 1982; Ellis, 1994, 1997). Urutan pemerolehan morfem ini telah wujud pada tahun 70-an sehingga 80-an dan banyak dilakukan dalam kajian bahasa terutamanya bahasa Inggeris (Emi Izumi & Hitoshi Isahara, 2004).

Kajian urutan pemerolehan ini penting bagi pengkaji bahasa mengetahui tertib atau urutan penguasaan struktur bahasa oleh pelajar (Emi Izumi & Hitoshi Isahara, 2004; Dulay et al., 1982; Ellis, 1997). Namun perbezaannya ialah kajian-kajian yang ditinjau adalah mengenai urutan pemerolehan morfem dalam bidang bahasa Inggeris sedangkan kajian ini menyentuh bidang bahasa Arab.

Hipotesis Urutan Alamiah

Krashen (1997) telah memperkenalkan teori monitor dengan menekankan hipotesis urutan alamiah (*natural order*). Hipotesis ini menyatakan pemerolehan struktur atau rumus

tatabahasa pelajar bahasa kedua berlaku secara natural *natural order* dan ia boleh dijangka. Hipotesis ini berdasarkan dapatan kajian yang dibuat oleh Burt dan Dulay dan lain-lain (Freeman, 1976; Dulay & Burt, 1974; Bailey, Madden & Krashen, 1974). Hipotesis ini juga menyatakan sesetengah struktur gramatikal diperolehi mengikut urutan samada diperolehi lebih awal atau sebaliknya (Krashen, 1982; Taher Bahrani, 2011). Ini kerana terdapat struktur gramatikal yang mudah dikuasai dan terdapat yang sukar (Ibrahim Abukhattala, 2013). Selain itu, ia turut menjelaskan kesilapan pelajar *mistakes and error* apabila struktur gramatikal yang digunakan tidak sepenuhnya dikuasai dan cara yang terbaik membetulkan kesilapan pelajar ialah dengan memberikan lebih banyak input mengenai struktur gramatikal berkenaan (Ibrahim Abukhattala, 2013).

Batasan Kajian

Kajian ini hanya tertumpu kepada tempat kajian, populasi kajian dan tumpuan tajuk-tajuk kajian seperti di bawah:

Tempat Kajian

Kajian ini hanya dijalankan di UiTM Perlis. Para pelajar yang terlibat ialah para pelajar yang mengambil bahasa Arab sebagai bahasa ketiga. Pemilihan UiTM Perlis adalah kerana para pelajar ini mengambil bahasa Arab peringkat asas serta terdiri dari pelajar pelbagai fakulti iaitu Fakulti Sains dan Matematik, Sains Gunaan, Fakulti Pengurusan Perniagaan, Fakulti Sains Sukan dan Fakulti Seni Bina. Pelajar ini juga adalah pelajar dari semester yang berbeza.

Responden Kajian

Sampel kajian diambil dalam kalangan pelajar yang mengambil bahasa Arab permulaan 3. Jumlah pelajar yang terlibat adalah sebanyak 30 orang pelajar. Pelajar-pelajar ini perlu mengambil subjek bahasa Arab di tiga semester iaitu pada semester pertama, kedua dan ketiga. Walaupun para pelajar perlu mengambil subjek bahasa Arab dalam tiga semester pengajian namun pengkaji menghadkan kepada bahasa Arab permulaan 3. Ini kerana pembelajaran *al-Damīr al-Munfaṣil* yang dikaji telah diajar sepenuhnya di dua semester iaitu semester satu dan dua. Selain itu terdapat dalam kalangan pelajar yang pernah mengambil subjek bahasa Arab sama ada di sekolah rendah atau menengah.

Tumpuan Tajuk-Tajuk Nahu Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada pemerolehan *al-Ḍamīr* dalam ayat nominatif yang terdiri daripada ayat subjek dan predikat. Oleh yang demikian ia hanya tertumpu kepada tajuk-tajuk asas bahasa Arab seperti dibawah:

1. *al-Ḍamīr al-Munfaṣīl* (مُنْفَصِل) iaitu hanya melibatkan ضَمَائِرِ رَفْعِ مُنْفَصِلَةٍ (ganti nama nominatif) sebagai subjek dalam ayat.
2. Ayat nominatif iaitu ayat namaan yang terdiri dari subjek (مُبْتَدَأ) dan predikat (خَبَر). Struktur asas ayat subjek dan predikat iaitu Ayat subjek Kata Nama (KN) tunggal dan predikatnya Kata Nama (KN) tunggal.

Metodologi Kajian

Pengkaji menjalankan dalam dua fasa. Pertama mengenalpasti serta menganalisis urutan pemerolehan pelajar terhadap penggunaan *al-Ḍamīr al-Munfaṣīl* dalam ayat nominatif dengan menggunakan rekabentuk kajian deskriptif iaitu membuat ujian pembinaan ayat kepada pelajar. Manakala fasa kedua ialah menganalisis masalah dan kesilapan pelajar hasil dari urutan pemerolehan *al-Ḍamīr* yang sukar digunakan. Ujian pembinaan ayat bertujuan mengenalpasti urutan pemerolehan *al-Ḍamīr* dan aspek-aspek kesilapan pelajar. Soalan ujian yang dibina menguji aspek-aspek berikut:

- i. Penggunaan *al-Ḍamīr* sebagai subjek ضَمَائِرِ رَفْعِ مُنْفَصِلَةٍ
- ii. Penggunaan *al-Ḍamīr* dari aspek gender المذكر والمؤنث
- iii. Ayat nominatif (subjek dan predikat) المبتدأ والخبر

Kaedah analisis kesilapan digunakan bagi mengenalpasti aspek-aspek kesilapan pelajar melalui contoh-contoh ayat yang dibina oleh pelajar. Data dibentangkan menggunakan kaedah analisis kualitatif. Penghuraian aspek kesilapan pelajar dijelaskan dengan memberikan contoh yang betul dari aspek nahu Arab. Pelajar diberi masa selama satu jam menjawab. Soalan mempunyai satu bahagian iaitu :

- i. Memfokuskan kepada pemerolehan *al-Ḍamīr al-Munfaṣīl* (ganti nama subjek) ضَمَائِر رَفَعِ مُنْفَصِلَةً iaitu pelajar perlu membina ayat subjek yang terdiri dari *al-Ḍamīr al-Munfaṣīl* yang mempunyai kesesuaian dengan predikat dari aspek bilangan tunggal مفْرَد, duaan مُثْنَى dan jamak جَمْع dan aspek gender. Sebanyak 14 soalan diberikan kepada pelajar untuk menjawab. Jawapan pelajar dinilai dari aspek betul atau salah dalam menggunakan *al-Ḍamīr al-Munfaṣīl*. Pengkaji menganalisis data dengan menggunakan perisian IBM SPSS Statistik. Hasil analisis data akan dapat mengenalpasti urutan pemerolehan *al-Ḍamīr al-Munfaṣīl* yang awal dan lewat digunakan. Aspek-aspek kesilapan nahu pelajar dapat dikenalpasti melalui *al-Ḍamīr* yang sukar atau lewat digunakan.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan kajian ini adalah hasil analisis data dari ujian yang diberikan kepada pelajar yang menilai urutan pemerolehan *al-Ḍamīr al-Munfaṣīl* yang awal dan lewat digunakan dalam ayat nominatif bahasa Arab. Melalui dapatan kajian ini persoalan kajian pertama telah dapat dijawab. Keterangan data adalah seperti di bawah:

Dapatan Urutan Pemerolehan Al-Ḍamīr Al-Munfaṣīl

Jadual 1: Urutan *al-Ḍamīr al-Ghā'ib*

Urutan	al-Ḍamīr al-Munfaṣīl	Kekerapan Betul	Peratus Betul
1	هُوَ	28	93.3
2	هِيَ	27	90.0
3	هُمَا (m)	17	56.7
4	هُمَا (f)	16	53.3
5	هُمْ	15	50.0
6	هِنَّ	13	43.3

Berdasarkan jadual 1 dapatan kajian menunjukkan pelajar terlebih dahulu menggunakan *al-Ḍamīr mufrad muzakkar* “هُوَ” berbanding dengan *al-Ḍamīr mufrad mu’annath* “هِيَ” dengan 93.3% yang menjawab dengan betul. Begitu juga dengan *al-Ḍamīr muthannā* “هُمَا” terlebih dahulu digunakan berbanding dengan *al-Ḍamīr jamak* “هُمْ” dan “هِنَّ” iaitu sebanyak 56.7% yang menjawab dengan betul. Ini bermakna urutan pelajar adalah dengan menggunakan *al-Ḍamīr mufrad* terlebih dahulu berbanding dengan *al-Ḍamīr muthannā* dan *jamak*.

Jadual 2: Urutan *al-Ḍamīr al-Mukhāṭab* dan *al-Mutakallim*

Urutan	al-Ḍamīr al-Munfaṣil	Kekerapan Betul	Peratus Betul
1	أَنَا	29	96.7
2	نَحْنُ	28	93.3
3	أَنْتِ	27	90.0
4	أَنْتَ	26	86.7
5	أَنْتُمَا (f)	16	53.3
6	أَنْتُمَا (m)	14	46.7
7	أَنْتُمْ	13	43.3
8	أَنْتُنَّ	9	30.0

Berdasarkan jadual 2 dapatan kajian menunjukkan pelajar terlebih dahulu menggunakan *al-Ḍamīr al-Mutakallim* “أَنَا” dan “نَحْنُ” berbanding dengan *al-Ḍamīr al-Mukhāṭab* “أَنْتِ” dan “أَنْتَ”. Pelajar juga terlebih dahulu menggunakan *al-Ḍamīr al-Mukhāṭab* “أَنْتِ” dan “أَنْتَ” berbanding dengan *al-Ḍamīr Muthannā* “أَنْتُمَا”. Manakala *al-Ḍamīr Jamak* “أَنْتُمْ” dan “أَنْتُنَّ” lewat digunakan. Ini bermakna urutan pelajar adalah dengan menggunakan *al-Ḍamīr al-Mutakallim* terlebih dahulu berbanding dengan *al-Ḍamīr al-Mukhāṭab*. Manakala dari aspek bilangan urutan pelajar adalah dengan menggunakan *al-Ḍamīr* yang *mufrad* terlebih dahulu berbanding dengan *al-Ḍamīr muthannā* dan *jamak*.

Jadual 3: Urutan al-Ḍamīr al-Munfaṣīl Secara Keseluruhan

Urutan	al-Ḍamīr al-Munfaṣīl	Kekerapan Betul	Peratus Betul
1	أَنَا	29	96.7
2	هُوَ	28	93.3
3	نَحْنُ	28	93.3
4	هِيَ	27	90.0
5	أَنْتِ	27	90.0
6	أَنْتَ	26	86.7
7	هُمَا (m)	17	56.7
8	هُمَا (f)	16	53.3
9	أَنْتُمَا (f)	16	53.3
10	هُمْ	15	50.0
11	أَنْتُمَا (m)	14	46.7
12	هُنَّ	13	43.3
13	أَنْتُمْ	13	43.3
14	أَنْتُنَّ	9	30.0

Berdasarkan jadual 3 dapatan kajian menunjukkan *al-Ḍamīr al-Mutakallim* “أَنَا” terlebih dahulu digunakan dengan 96.7% yang betul, kemudian *al-Ḍamīr al-Ghā’ib* “هُوَ” dan “نَحْنُ” dengan 93.3% yang betul, seterusnya *al-Ḍamīr* “هِيَ” dan “أَنْتِ” iaitu 90% yang betul dan “أَنْتَ” dengan 86.7% yang menjawab dengan betul. Ini bermakna *al-Ḍamīr* ini lebih mudah digunakan berbanding dengan *al-Ḍamīr* yang lain yang lewat digunakan. Manakala *al-Ḍamīr al-Ghā’ib* “هُمَا” digunakan terlebih dahulu dengan 56.7% dan 53.3% yang menjawab dengan betul berbanding dengan *al-Ḍamīr al-mukhāṭab* “أَنْتُمَا” iaitu 53.3% dan 46.7%. Seterusnya *al-Ḍamīr jamak* “هُنَّ”, “أَنْتُمْ” dan “أَنْتُنَّ” lewat digunakan dengan peratus

yang betul adalah rendah. *al-Ḍamīr* yang lewat digunakan ini menunjukkan para pelajar sukar menggunakannya dalam ayat.

Oleh yang demikian, secara keseluruhannya berdasarkan hasil kajian yang dibentangkan di atas dapat disimpulkan bahawa terdapat urutan pemerolehan *al-Ḍamīr al-Munfaṣīl* yang awal dan lewat digunakan seperti berikut :

- i. Para pelajar lebih mudah menggunakan *al-Ḍamīr al-Mutakallim* berbanding dengan *al-Ḍamīr al-Mukhāṭab*
- ii. Para pelajar lebih mudah menggunakan *al-Ḍamīr al-Ghā'ib* berbanding dengan *al-Ḍamīr al-Mukhāṭab*
- iii. Para pelajar lebih mudah menggunakan *al-Ḍamīr mufrad* berbanding dengan *al-Ḍamīr muthannā* dan *jamak*.
- iv. Para pelajar lebih mudah membuat ayat subjek dan predikat yang *mufrad* berbanding *muthannā* dan *jamak*.

Analisis Kesilapan Pelajar

Kesilapan boleh dibahagikan kepada :

- i. Kesilapan Menggunakan *al-Ḍamīr al-Munfaṣīl* Yang Betul :

Pembinaan Ayat :	kamu (lelaki) pensyarah saya
Ayat Salah :	نَحْنُ مُحَاضِرِي
Ayat Betul :	أَنْتَ مُحَاضِرِي

Pembinaan ayat :	Kamu semua guru
Ayat Salah :	هُم مُدْرَس
Ayat Betul :	أَنْتُمْ مُدْرَسُونَ

Berdasarkan dapatan kajian, pelajar menggunakan *al-Ḍamīr* yang salah dalam pembinaan ayat. Ini kerana pelajar lebih mudah mengingat *al-Ḍamīr* yang dinyatakan berbanding *al-Ḍamīr* yang sebenar. Hal ini juga disebabkan kekeliruan pelajar dalam menggunakan *al-Ḍamīr*.

- ii. Kesilapan Menggunakan Predikat Yang Tidak Bersesuaian Dengan *al-Ḍamīr al-Munfaṣīl*

Pembinaan Ayat :	kamu berdua guru
Ayat Salah :	أَنْتُمَا مُدْرَسٌ
Ayat Betul :	أَنْتُمَا مُدْرَسَانِ

Pembinaan Ayat :	kamu semua guru
Ayat Salah :	أَنْتُمْ مُدْرَسٌ
Ayat Betul :	أَنْتُمْ مُدْرَسُونَ

Pembinaan Ayat :	mereka semua (perempuan) guru
Ayat Salah :	هُنَّ مُدْرَسَةٌ
Ayat Betul :	هُنَّ مُدْرَسَاتٌ

Pembinaan Ayat :	mereka semua (perempuan) guru
Ayat Salah :	هُنَّ مُدْرَسُونَ
Ayat Betul :	هُنَّ مُدْرَسَاتٌ

Berdasarkan dapatan pelajar lebih mudah membina ayat *mufrad* berbanding ayat *muthannā* dan *jamak*. Hal ini disebabkan kekeliruan pelajar dalam membina ayat subjek dan predikat dalam bahasa Arab yang perlu bersesuaian mengikut bilangan. Pelajar juga terpengaruh cara pembinaan ayat dalam bahasa ibunda yang tidak berubah predikatnya mengikut bilangan subjek contohnya “kamu guru”, “kamu berdua guru” dan “kamu semua guru”. Dalam bahasa Melayu perkataan “guru” sebagai predikat dalam ayat tidak berubah mengikut bilangan subjek berbanding bahasa Arab.

iii. Kesilapan Menggunakan *al-Damīr al-Munfaṣīl* Mengikut Gender

Pembinaan Ayat :	dia (perempuan) guru
Ayat Salah :	هُوَ مُدْرَسَةٌ
Ayat Betul :	هِيَ مُدْرَسَةٌ

Pembinaan Ayat :	kamu (perempuan) guru
Ayat Salah :	أَنْتِ مُدْرَسٌ
Ayat Betul :	أَنْتِ مُدْرَسَةٌ

Berdasarkan dapatan kajian, pelajar menggunakan *al-Ḍamīr* yang salah mengikut gender. Dalam bahasa Arab *al-Ḍamīr* perlu digunakan dengan betul dan bersesuaian dengan gender. Kesilapan ini kerana pelajar keliru menggunakan *al-Ḍamīr muzakkar* dan *mu'annath* dan lemah dalam pemahaman tatabahasa Arab yang perlu membina ayat subjek dan predikat yang bersesuaian mengikut gender. Selain itu pelajar juga terkesan dengan kaedah pembinaan ayat dalam bahasa Melayu yang tidak perlu melihat kepada gender contohnya pada ayat “kamu guru” digunakan kepada lelaki atau perempuan.

Penutup

Berdasarkan hasil kajian adalah penting bagi mengetahui urutan pemerolehan *al-Ḍamīr al-Munfaṣīl* dalam kalangan pelajar. Oleh itu pengkaji mencadangkan supaya kaedah urutan pemerolehan *al-Ḍamīr al-Munfaṣīl* perlu diaplikasikan dalam pengajaran tatabahasa bahasa Arab. Penggunaan *al-Ḍamīr al-Munfaṣīl* yang mudah digunakan perlu dipelajari terlebih dahulu berbanding dengan yang lewat digunakan disamping memberi penekanan kepada aspek-aspek kesilapan yang kerap kali dilakukan pelajar. Cara yang terbaik membetulkan kesilapan pelajar ialah dengan memberikan lebih banyak input mengenai struktur gramatikal berkenaan. Hasil kajian ini juga dapat membantu pihak pengajar dan ahli akademik menggunakan kaedah atau pendekatan pengajaran serta membina kurikulum mengikut urutan pengajaran yang bersesuaian dan lebih lengkap bagi meningkatkan pemahaman, minat dan prestasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab.

Penghargaan

Ribuan terima kasih diucapkan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi di atas geran penyelidikan yang diberi bagi menjayakan penyelidikan ini.

Rujukan

- Abdull Sukor Shaari & Azliza Din. (2013). Pelaksanaan Aktiviti Komunikatif Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah : Satu Kajian Kes. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM (Malay Language Education Journal-MyLEj)*, 3, 64–78.
- Azani Ismail@Yaakub, Azman Che Mat & Mat Taib Pa. (2012). Membina Kemahiran Pertuturan Menerusi Aktiviti Lakonan Dalam Pengajaran Bahasa Arab. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(1)(January), 325–337.
- Azman Che Mat & Goh Ying Soon. (1985). Situasi Pembelajaran Bahasa Asing di Institut Pengajian Tinggi: Perbandingan Antara Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan Bahasa Perancis. *AJTLHE*, 2(2), 9–21.
- Azman Che Mat & Goh Ying Soon. (2010). Grammar in the Classroom: Students' Expectations and Reality The Case Of Arabic and Mandarin. *Novitas Royal (Research On Youth and Language)*, 4(1), 51–63.
- Emi Izumi & Hitoshi Isahara. (2004). Investigation Into Language Learners ' Acquisition Order Based On An Error Analysis Of A Learner Corpus. *IWLeL 2004: An Interactive Workshop on Language E-Learning*, 63–71.
- Eun-Young Kwon. (2005). The “ Natural Order ” of Morpheme Acquisition : A Historical Survey and Discussion of Three Putative Determinants. *Teachers College, Columbia University Working Papers in TESOL & Applied Linguistics*, 5(1), 1–21.
- Gamal Abdul Nasir Zakaria, Salwa Mahalle & Aliff Nawi. (2015). Kajian Amalan Pengajaran Guru Bahasa Arab Sekolah Menengah d Negara Brunei Darussalam. *The Online Journal Of Islamic Education*, 3(1), 32–40.
- Dulay, H.C & Burt, M.K (1974). Natural Sequences in Child Second Language Acquisition. *Language Learning*, 24(1).
- Dulay, H.C, Burt, M.K, & Krashen, S. (1982). *Language Two*. New York: Oxford University Press.
- Maimun Aqsha Lubis, Zaffi Alias, & Hanis Najwa Shahrudin. (2014). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kurikulum Bu'uth Al-Azhar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(1), 51–61.
- Manisah Mohd Nor. (2000). *Penggunaan al-Damāir Dalam Karangan*. Tesis Sarjana.

Universiti Malaya.

- Mat Nawi Mat Jusoh, Hakim Zainal, & Kaseh Abu Bakar. (2014). Aplikasi Rumus Dalam Pengajaran Nahu Bahasa Arab. *Prosiding Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Fakulti Pengajian Islam UKM dan Fakulti Kontemporari Islam UniSZA*.
- Mohamad Rofian Bin Ismail, Ahmad Redzaudin Bin Ghazali, Khairatul Akmar Bin Abdul Latif & Nor Effendy Bin Ahmad Sokri. (2014). Analisis Kesalahan Nahu Bahasa Arab Dalam Karangan Pelajar Kursus Pengukuhan Bahasa Arab. *International Research Management and Innovation Conference 2014 Kuala Lumpur (IRMIC2014)*, 2014(November), 295.
- Muhammad Suhaimi Taat, Mohd Yusof Abdullah & Roslee Talip. (2014). Motivasi sebagai “Mediator” antara Proses Pengajaran dan Bimbingan Guru dengan Pembelajaran Terarah Kendiri (PTK) Pelajar: Satu Kajian Menggunakan “Model SEM/AMOS.” *Sains Humanika*, 4, 127–132. www.sainshumanika.utm.my
- Nana Jumhana. (2014). Pemerolehan Bahasa Pada Anak (Kajian Teoritis Tentang Pemerolehan Bahasa Pertama). *Al-Ittihad*, 6(2), 109–128.
- Noor Anida Binti Awang, Norhayati Binti Che Hat & Nurazan Binti Mohmad Rouyan. (2014). Analisa Kelemahan Kemahiran Menulis Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Unisza. *Prosiding Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014* (pp. 1–11). Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia dan Fakulti Kontemporari Islam UniSZA.
- Noraini Binti Idris, & Shuki bin Osman. (2009). *Pengajaran dan Pembelajaran Teori dan Praktis*. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Rabiatul Adawiyah. (2010). *Tahlil al-Akhta' Fi Istikhdam al-Dama'ir Fi al-Insyah' al-Muwajjah Lada Talamidh al-Saf al-Thani Min Madrasah al Wataniyyah 17 al-Mutawassitah al-Islamiyyah Jakarta al-Sharqiyyah*. Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Ellis, R. (1994). *The Study Of Second Language Acquisition*. New York Oxford: Oxford University Press.
- Ellis, R. (1997). *Second Language Acquisition* (Edisi Pertama). New York Oxford: Oxford University Press.
- Rosni Samah. (2012). Pembinaan ayat bahasa arab dalam kalangan lepasan sekolah

menengah agama. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(2), 555–569.

Tay Meng Guat. (2006). Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak: Satu Analisis Sintaksis. *Jurnal Pendidikan IPBL*, Jilid 7.

Tuan Rashid Tuan Mat. (2000). *Penguasaan Kata Ganti Nama Bahasa Arab di Kalangan Pelajar-pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.

Cook, V.J. (1988). *Chomsky's Universal Grammar* (Edisi Pertama). Oxford UK: Basil Blackwell Ltd.